

18 APR 2003

LEAD MAHATHIR-IRAQ/I

MAHATHIR: AS & BRITAIN BERTANGGUNGJAWAB BINA SEMULA IRAQ

Oleh: Yong Soo Heong & Mikhail Raj Abdullah

PUTRAJAYA, 18 April (Bernama) -- Amerika Syarikat dan Britain bertanggungjawab untuk membantu memulihkan semula ekonomi Iraq memandangkan merekalah yang telah memusnahkannya menerusi pencerobohan mereka tidak lama dulu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Mereka tahu bagaimana memusnahkan Iraq, maka mereka juga mesti tahu bagaimana untuk membinanya semula," kata beliau dalam satu temubual eksklusif dengan Bernama di Seri Perdana di sini hari ini.

Malaysia, kata beliau tidak akan terlibat di dalam pemulihan semula ekonomi Iraq kecuali menyediakan bantuan seperti makanan dan ubat-ubatan, bantuan perubatan dan mungkin perniagaan.

"Kita (Malaysia) tidak boleh membina semula ekonomi Iraq. Ekonomi mereka telah musnah akibat daripada perikatan antara Amerika Syarikat dan Britain. Jadi, sudah menjadi tanggungjawab negara-negara ini memulihkan kembali ekonomi Iraq," kata Dr Mahathir yang masih lagi bercuti dan baru sahaja pulang bercuti dari Amerika Latin dan Jepun.

Dr Mahathir juga berkata yang perang ke atas Iraq adalah tidak perlu.

Beliau menambah, "Sama ada mereka (tentera bersekutu) menjumpai senjata (pemusnah besar-besaran), perang itu tidak perlu kerana kita tidak percaya membunuh orang ialah cara untuk mengatasi masalah."

"Jika kita percaya dengan membunuh orang sebagai cara mengatasi masalah, maka sudah tentu, negara yang paling berkuasa boleh menyelesaikan masalah mereka dengan begitu mudah iaitu dengan membunuh yang lain," kata beliau merujuk kepada Amerika Syarikat yang telah mengetuai pencerobohan ke atas Iraq pada 20 Mac bersama-sama dengan sekutu terkuatnya, Britain.

Perang itu menyebabkan kematian antara 1,600 dan 1,900 orang awam Iraq. Kira-kira 2,300 tentera Iraq dilaporkan mati di Baghdad sahaja dan dianggarkan 5,100 orang Iraq cedera dalam serangan-serangan itu.

Di pihak Amerika Syarikat pula, 125 askarnya telah terbunuh sementara kematian di kalangan tentera bersenjata Britain ialah 30.

Ditanya mengenai tindakan AS untuk menyerang Syria kerana disyaki melindungi pengikut-pengikut setia presiden Iraq Saddam Hussein, Dr Mahathir berkata "inilah yang Amerika katakan perang terhadap keganasan."

"Mereka tidak boleh dapatkan penganas, maka mereka serang semua negara Islam ini supaya negara-negara Islam ini menjadi takut dan tidak akan membenarkan mana-mana penganas mendapat sokongan ataupun perlindungan mereka. Itulah caranya mereka mahu melawan."

Dr Mahathir berkata penggunaan kuasa sewenang-wenangnya oleh Amerika Syarikat ialah untuk menunjukkan kepada negara-negara lain yang "mereka kini berurusan dengan sebuah negara yang paling berkuasa yang akan melakukan apa sahaja."

Ini, kata beliau, bermakna yang dunia kini sudah menjadi dunia sepihak (unilateral) di mana "satu kuasa telah menjadi begitu berkuasa lantas menguasai segala-galanya dan kuasa itu tidak malu menggunakan kekerasan untuk mencapai cita-citanya."

"Itulah dunia di mana kita tinggal sekarang, kita kena belajar menerimanya," keluh beliau.

Dr Mahathir berkata malah negara-negara maju seperti Perancis, Jerman dan Rusia turut merasakan tekanan ini. Ketiga-tiga negara ini telah menentang penggunaan kekerasan ke atas Iraq jika ia tidak mendapat persetujuan Bangsa-bangsa Bersatu.

"Kita telahpun melihat beberapa kelemahan (pendirian mereka) dan ingin

"kow-tow" (atau tunduk) kepada negara yang paling berkuasa di dunia," kata beliau.

Dr Mahathir, yang telah berulang kali menyuarakan supaya punca keganasan perlu dikenalpasti bagi menangani masalah itu telah ditanya mengapa AS tidak meyokong saranan beliau.

Perdana Menteri, yang sebelum ini berkata mesti ada sebab untuk seseorang itu merempuh kapal terbang ke bangunan atau menjadi pengebom berani mati berkata, Amerika Syarikat tidak pernah terfikir untuk menyelesaikan masalah keganasan dengan merujuk kepada punca sebenarnya.

"Apa yang mereka fikir harus mereka lakukan ialah menewaskan kesemua negara ini supaya mereka tidak mempunyai sesiapa menjalankan sebarang aktiviti penganas kerana jika mereka melakukannya, maka semua negara ini akan ditentang hingga hancur, kerajaan mereka akan ditukar, negara mereka akan diserang. Jika penganas-penganas ini membunuh satu orang, mereka bersedia untuk membunuh 1,000," tambah beliau.

Ditanya apakah yang boleh dipelajari negara-negara membangun, termasuk Malaysia, daripada tindakan pencerobohan ke atas Iraq, Dr Mahathir berkata mereka perlu belajar lebih berdisiplin dan bekerja kuat memajukan negara masing-masing dan tidak terlalu bergantung kepada yang lain. -- BERNAMA

SHY MR AA